

Pengaruh Minat dan Sikap Terhadap Motivasi Pelajar di Kolej Vokasional Zon Selatan

The Influence of Interest and Attitude on Student Motivation in Southern Region Vocational Colleges

Nur Atiqah Md Yazid^{1*}, Azita Ali²

¹ Teknologi Elektronik, Kolej Vokasional Kluang,
Km 3, Jalan Mengkibol, Kluang, 86000, MALAYSIA

² Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA

*Corresponding Author: iqayazid@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2025.10.02.009>

Maklumat Artikel

Diserah: 28 Januari 2025

Diterima: 17 September 2025

Diterbitkan: 30 September 2025

Kata Kunci

Minat, sikap, motivasi, pendidikan teknikal dan vokasional

Abstrak

Kajian ini adalah mengkaji pengaruh minat dan sikap terhadap motivasi pelajar di kolej vokasional (KV). Bilangan pelajar yang memasuki kolej vokasional pada peringkat Sijil Vokasional Malaysia (SVM) adalah tinggi pada setiap tahun, namun semakin berkurangan apabila memasuki peringkat Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pelajar tidak menyambung pengajian ke peringkat DVM antaranya pelajar telah mendapat pekerjaan, berpindah ke pusat pengajian dan hanya berminat mengambil Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Kajian berbentuk kuantitatif deskriptif ini dijalankan secara tinjauan menggunakan soal selidik dengan melibatkan 374 orang pelajar tahun akhir SVM KV Zon Selatan dari program teknologi elektronik. Hasil dapatan menunjukkan tahap minat, sikap dan motivasi pelajar adalah berada pada tahap yang tinggi. Manakala sub elemen minat seperti pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya serta sub elemen sikap seperti sikap tingkah laku dan sikap kognitif mempengaruhi motivasi pelajar. Selain itu juga, dapatan kajian menunjukkan bahawa jenis motivasi yang dominan dalam kalangan pelajar adalah motivasi intrinsik dan didominasi oleh pelajar perempuan. Tambahan itu juga, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara minat dan sikap dengan motivasi pelajar. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi dapat memberi panduan kepada pendidik untuk menentukan kaedah yang bersesuaian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat serta dapat meningkatkan motivasi pelajar terhadap bidang yang diceburi dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian pelajar.

Keywords

Interest, attitude, motivation, technical and vocational education

Abstract

This study examines the influence of interest and attitude on student motivation in vocational colleges (KV). The number of students enrolling in vocational colleges at the Malaysian Vocational Certificate (SVM) level

is high each year, but it decreases significantly when progressing to the Malaysian Vocational Diploma (DVM) level. Several factors influence students' decisions not to continue to the DVM level, including gaining employment, transferring to another institution, only being interested in obtaining the Malaysian Skills Certificate (SKM), and other reasons. This descriptive quantitative study was conducted using a survey method involving 374 final-year SVM students from the Southern Zone KV in the electronic technology program. The findings show that the levels of interest, attitude, and motivation among students are high. Sub-elements of interest, such as parental and peer influence, and sub-elements of attitude, such as behavioural and cognitive attitudes, affect student motivation. Additionally, the study indicates that the dominant type of motivation among students is intrinsic motivation, which is predominantly observed in female students. Furthermore, the study reveals a significant relationship between interest and attitude with student motivation. Therefore, based on the findings, educators can use this information to determine appropriate teaching and learning methods to attract interest and enhance student motivation in their chosen fields, ultimately contributing to student achievement.

1. Pengenalan

Bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) merupakan bidang yang memberi pendidikan kemahiran kepada pelajar. TVET bidang pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan memberi penekanan terhadap amalan industri dengan tujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu (KPM, 2023). Menurut Mohamed (2022), TVET penggerak utama dalam pembangunan masyarakat kerana kemahiran yang dimiliki penting untuk pembangunan ekonomi negara. Namun, hasil dapatan yang diperolehi dalam Perangkaan Pendidikan Malaysia (2021) menunjukkan terdapat penurunan enrolmen dalam bidang TVET bermula dari tahun 2018 hingga tahun 2020. Pelbagai usaha dilakukan oleh kementerian pendidikan untuk meningkatkan dan meyakinkan orang ramai tentang kebaikan dan kelemahan program TVET semasa di Malaysia, namun majoriti pelajar dan ibu bapa masih memilih aliran akademik berbanding aliran vokasional (Nursiah et al., 2020). Keadaan ini menyebabkan, minat pelajar Malaysia terhadap TVET masih berkurangan (Omar et al., 2020). Pendaftaran pelajar dalam bidang TVET di Malaysia dan program latihan masih kekal rendah sejak pendidikan TVET diperkenalkan antaranya politeknik, kolej komuniti dan kolej vokasional (Mustari et al., 2020). Bagi kemasukan pelajar di kolej vokasional (KV), bilangan pelajar yang memasuki kolej vokasional pada peringkat Sijil Vokasional Malaysia (SVM) adalah tinggi pada setiap tahun, namun semakin berkurangan apabila memasuki peringkat Diploma Vokasional Malaysia (DVM) pada tahun bermula tahun 2018 sehingga tahun 2023 (APDM, 2023).

Minat memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan minat pelajar terhadap apa yang mereka pelajari atau bidang yang mereka ceburi. Minat berfungsi untuk menggalakkan pelajar melakukan sesuatu, pelajar yang mempunyai minat dalam pembelajaran akan cuba memahami pembelajaran tersebut (Friantini & Winata, 2019). Tambahan itu lagi, untuk memahami apa yang dipelajari, pelajar perlu memberi tumpuan kepada aktiviti yang dilakukan untuk meningkatkan minat pembelajaran (Junaidi & Rosalina, 2020).

Sikap pelajar untuk menceburi dan memilih kerjaya dalam bidang TVET turut dipengaruhi oleh faktor ibu bapa, rakan sebaya dan faktor prestij juga telah memberi kesan kepada pelajar dalam membuat keputusan untuk memilih bidang TVET (Rathidevi & Sudhakaran, 2019). Selain itu, aktiviti pembelajaran pelajar juga dipengaruhi oleh beberapa faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman termasuk motivasi dalaman, pembelajaran sendiri dan faktor luaran termasuk sokongan keluarga dan persekitaran pembelajaran pelajar (Azhari et al., 2023). Sokongan daripada keluarga adalah sokongan emosi, pertimbangan atau ganjaran serta sokongan maklumat (Laka et al., 2020; Simunovic & Babarovic, 2020). Selain itu juga, kajian yang dilakukan di Kenya turut mendapati kekurangan infrastruktur di institusi pengajian teknikal terus menjejaskan potensi penuh bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (Reuben et al., 2020).

Motivasi adalah merujuk kepada ciri psikologi manusia yang boleh membantu atau meningkatkan tahap komitmen seseorang. Berdasarkan kajian lepas, minat pelajar, motivasi pelajar, pengaruh ibu bapa serta pengaruh rakan sebaya mempunyai kesan yang besar terhadap sikap pelajar terhadap TVET (Omar et al., 2020). Motivasi sering dikaitkan dengan unsur-unsur atau perkara yang merangsang kepada tingkah laku individu dari masa ke semasa (Olushola & Adewumi, 2021). Selain itu juga, motivasi turut dipengaruhi oleh persekitaran dan strategi pembelajaran (Wu & Lin, 2020). Seseorang memerlukan motivasi yang mencukupi untuk mencapai matlamat dan keperluan mereka. Motivasi akademik adalah penting untuk pelajar, terutamanya untuk pelajar kerana ia akan mendorong mereka untuk menyelesaikan tugas dan mencapai matlamat mereka (Mohamed & Hassan, 2021).

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh minat dan sikap terhadap motivasi dalam kalangan pelajar di kolej vokasional zon selatan.

2. Kajian Literatur

Minat memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan minat pelajar terhadap apa yang mereka pelajari atau bidang yang mereka ceburi. Minat berfungsi untuk menggalakkan pelajar melakukan sesuatu, pelajar yang mempunyai minat dalam pembelajaran akan cuba memahami pembelajaran tersebut (Friantini & Winata, 2019). Tambahan itu lagi, untuk memahami apa yang dipelajari, pelajar perlu memberi tumpuan kepada aktiviti yang dilakukan untuk meningkatkan minat pembelajaran (Junaidi & Rosalina, 2020). Pengaruh minat dalam pembelajaran memberi kesan kepada penumpuan pelajar di dalam kelas kerana pelajar selalunya akan merasa sukar untuk memahami pengajaran dan pembelajaran yang diterangkan oleh guru (Hasanati & Purwaningsih, 2021). Tahap minat yang tinggi di kalangan pelajar terhadap bidang yang diceburi dapat membantu pelajar mencapai kejayaan. Minat pelajar boleh dipupuk secara berperingkat. Keseronokan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran boleh meningkatkan minat pelajar dalam bidang yang diceburi dengan dorongan daripada ibu bapa, guru dan juga rakan sebaya (Tang & Amir, 2024). Namun begitu, berdasarkan hasil kajian lepas yang dilakukan, mendapati minat pelajar dalam pelajaran turut dipengaruhi oleh ibu bapa (Yudabbirul Arif et al., 2022; Omar et al., 2020; Nugrogo et al., 2020; Abu & Eu, 2018).

Terdapat kajian yang mengkaji kesan pengaruh ibu bapa terhadap sikap pelajar terhadap bidang TVET mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pilihan pelajar terhadap bidang yang diceburi (Lavendets et al., 2019). Tahap pendidikan, pekerjaan keluarga, pendapatan keluarga turut mempunyai impak yang signifikan terhadap minat pelajar untuk menceburi bidang TVET berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan oleh (Igbinedion, 2019). Tambahan itu lagi, aktiviti pembelajaran pelajar dipengaruhi oleh beberapa faktor dalaman seperti motivasi dalaman dan faktor luaran seperti sokongan keluarga dan persekitaran pembelajaran pelajar (Azhari et al., 2023). Hasil kajian mengenai hubungan antara pembelajaran sendiri, sokongan keluarga dan motivasi pembelajaran kepada aktiviti pembelajaran pelajar mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan keluarga dan motivasi pembelajaran (Azhari et al., 2023). Hasil kajiannya turut mendapati bahawa sokongan keluarga mempengaruhi motivasi pelajar dalam pembelajaran (Azhari et al., 2023). Sokongan keluarga memainkan peranan penting dalam memberikan semangat dan motivasi kepada pelajar untuk belajar seperti sokongan emosi, pertimbangan atau ganjaran serta sokongan maklumat (Laka et al., 2020; Simunovic & Babarovic, 2020).

Tambahan itu juga, faktor rakan sebaya turut mempengaruhi minat pelajar. Rakan sebaya biasanya terdiri daripada rakan sepermainan, kawan-kawan atau orang yang berada dalam kelompok usia yang sama (Obanewa, 2020). Dalam proses pembelajaran, rakan sebaya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi motivasi belajar seseorang individu (Tang & Amir, 2024). Pengaruh rakan sebaya merupakan faktor paling kuat dalam membantu perkembangan diri, mengubah nilai dan sikap pelajar (Salleh, 2020). Sikap merujuk kepada pandangan yang dipegang oleh seseorang sama ada sikap positif, negatif atau neutral. Kajian awal mendapati ramai pelajar mempunyai sikap emosi yang positif terhadap pendidikan vokasional, tetapi untuk mereka melibatkan diri dalam aktiviti sebenar berkaitan pendidikan vokasional, sambutannya adalah rendah (Kalisa et al., 2023). Hasil analisis berkaitan sikap pelajar terhadap bidang TVET mendapati bahawa majoriti pelajar tidak pasti dalam sikap mereka terhadap kerjaya yang ingin diceburi kerana mereka menceburi bidang TVET adalah berdasarkan pengaruh ibu bapa, rakan sebaya dan faktor prestij (Rathidevi & Sudhakaran, 2019).

Motivasi sering dikaitkan dengan unsur-unsur atau perkara yang merangsang kepada tingkah laku individu dari masa ke semasa (Olushola & Adewumi, 2021). Konsep motivasi menjelaskan sifat psikologi manusia yang menyumbang atau meningkatkan tahap komitmen individu (Sutia et al., 2020). Pelajar yang sentiasa bermotivasi dalam pelajaran akan sentiasa kekal fokus di dalam kelas dan mereka akan sedia bersemangat untuk belajar sesuatu yang baru. Pelajar yang tidak bermotivasi akan sentiasa tidak berminat untuk belajar apa yang diajar oleh guru tetapi akan memaksa diri untuk mempelajarinya (Sadiq & Hassan, 2021). Kajian yang dilakukan berkaitan hubungan antara konsep sendiri, motivasi dan gaya keibubapaan dengan prestasi pelajar mendapati bagaimana cara ibu bapa berinteraksi dengan anak-anak, menilai anak-anak dan menghargai mereka mempunyai kesan yang ketara terhadap konsep sendiri dan keinginan mereka untuk melakukan sesuatu (Yahaya, 2022). Selain itu juga, dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi juga dipengaruhi oleh faktor motivasi intrinsik dan ekstrinsik (Yahaya, 2022). Tambahan itu lagi, analisis dapatan kajian menunjukkan tahap motivasi pelajar lebih dimanfaatkan dengan motivasi intrinsik seseorang individu jika berbanding dengan motivasi ekstrinsik (Deen et al., 2021).

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif untuk mengkaji pengaruh minat dan sikap terhadap motivasi pelajar di kolej vokasional zon Selatan. Kajian ini dijalankan melalui pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Populasi kajian melibatkan 374 pelajar tahun akhir Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dari program Teknologi Elektronik dan semua pelajar dijadikan sebagai sampel kajian. Pengumpulan data daripada responden adalah menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian yang terdiri daripada aspek minat, sikap dan motivasi. Item minat diadaptasi dan diubah suai dari Jalil (2019) yang terdiri dari elemen ibu bapa, rakan sebaya dan sosio ekonomi. Manakala bagi item sikap diadaptasi dari Kalisa et al., (2023) yang terdiri dari elemen sikap afektif, sikap tingkah laku dan sikap kognitif. Bagi item motivasi telah diadaptasi dari *Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) yang dibangunkan oleh Printrich dan DeGroot (1990) yang mengandungi elemen motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Jumlah keseluruhan item adalah sebanyak 94 item. Skala yang digunakan adalah Likert lima mata bagi item minat dan sikap. Manakala Likert tujuh mata digunakan bagi item motivasi. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif berdasarkan skor min. Skor min diklasifikasikan ke dalam tahap yang berbeza berdasarkan cadangan Pallant (2006) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Pengkelasan tahap skor min

Tahap skor min	Pengkelasan
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis deskriptif telah dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh minat dan sikap terhadap motivasi pelajar kolej vokasional zon Selatan. Jumlah responden terdiri daripada 374 orang pelajar dengan latar belakang berbeza dari segi jantina, bangsa, pekerjaan keluarga dan kolej vokasional. Keputusan diperincikan mengikut tahap minat, sikap dan motivasi pelajar.

Jadual 2 menunjukkan maklumat demografi pelajar tahun akhir Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dari Program Teknologi Elektronik. Terdapat 282 orang pelajar lelaki dan 92 orang pelajar perempuan terlibat dalam kajian ini. Bagi kaum responden, seramai 344 orang (92%) adalah Melayu, 4 orang (1.1%) kaum Cina, 12 orang (3.2%) kaum India dan 14 orang (3.7%) lain-lain kaum. Seterusnya adalah jenis pekerjaan keluarga responden, seramai 98 orang pelajar (26.2%) bekerja dengan kerajaan, 101 orang (27%) pekerja swasta, 104 orang (27.8%) bekerja sendiri dan 71 orang pelajar (19%) adalah dari pesara. Manakala bilangan responden mengikut kolej vokasional (KV) adalah 28 orang (7.5%) dari KV Batu Pahat dan 28 orang (7.5%) dari KV Kota Tinggi dengan jumlah yang sama, 26 orang (7%) dari KV Kluang dan 26 orang (7%) dari Juasseh, 29 orang (7.8%) dari KV Muar, 29 orang (7.8%) dari KV Datuk Seri Mohd Zin dan 29 orang (7.8%) dari KV Ampangan, 30 orang (8%) dari KV Segamat, 30 orang (8%) dari KV Tanjung Puteri dan 30 orang (8%) dari KV Melaka Tengah. Manakala KV Kuala Klawang dan KV Port Dickson masing-masing dengan 58 orang (15.5%) dan 31 orang (8.3%).

Jadual 2 *Maklumat demografi responden*

Demografi		Kekerapan	Peratus
Jantina	• Lelaki	282	75.4
	• Perempuan	92	24.6
Bangsa	• Melayu	344	92.0
	• Cina	4	1.1
	• India	12	3.2
	• Lain-lain	14	3.7
Jenis pekerjaan keluarga	• Kerajaan	98	26.2
	• Swasta	101	27.0
	• Bekerja sendiri	104	27.8
	• Pesara	71	19.0
Kolej vokasional	• KV Batu Pahat		
	• KV Kluang		
	• KV Kota Tinggi	28	7.5
	• KV Muar	26	7.0
	• KV Segamat	28	7.5
	• KV Tanjung Puteri	29	7.8
		30	8.0
	• KV Datuk Seri Mohd Zin	30	8.0
		29	7.8
	• KV Melaka Tengah	30	8.0
		29	7.8
	• KV Ampangan	26	7.0
	• KV Juasseh	58	15.5
	• KV Kuala Klawang	31	8.3
	• KV Port Dickson		

Jadual 3 menunjukkan tahap minat dan sikap dan motivasi pelajar kolej vokasional zon selatan bagi program teknologi elektronik.

Jadual 3 *Tahap minat, sikap dan motivasi pelajar kolej vokasional zon selatan*

Elemen	Min (M)	Sisihan Piawai	Tahap
Minat	4.12	0.13	Tinggi
Sikap	4.22	0.12	Tinggi
Motivasi	4.51	0.61	Tinggi
Jumlah	4.28	0.29	Tinggi

Berdasarkan dapatan pada Jadual 3, tahap minat dan sikap dan motivasi pelajar kolej vokasional zon selatan adalah tinggi dengan nilai min ($M=4.28$, $SP=0.29$). Jadual 4, Jadual 5 dan Jadual 6 menunjukkan dapatan sub-elemen yang dikaji mengenai minat, sikap dan motivasi pelajar kolej vokasional terhadap bidang yang diceburi.

Jadual 4 Pengaruh minat pelajar pelajar kolej vokasional zon selatan

Sub-Elemen Minat	Min (M)	Sisihan Piawai	Tahap
Pengaruh ibu bapa	4.25	0.18	Tinggi
Pengaruh rakan sebaya	4.15	0.20	Tinggi
Pengaruh sosio ekonomi	3.66	0.21	Tinggi
Jumlah	4.03	0.20	Tinggi

Berdasarkan dapatan pada Jadual 4, minat pelajar di kolej vokasional dalam kajian ini di analisis berdasarkan tiga sub-elemen yang terkandung dalam elemen minat iaitu pengaruh ibu bapa, rakan sebaya dan sosio ekonomi. Pengaruh ibu bapa dan rakan sebaya lebih banyak memberi kesan kepada minat pelajar dengan nilai min ($M=4.25$, $SP=0.18$) dan ($M=4.15$, $SP=0.20$). Selain itu juga, elemen sikap pelajar dianalisis berdasarkan tiga sub-elemen sikap ABC iaitu sikap afektif, sikap tingkah laku dan sikap kognitif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Sikap pelajar pelajar kolej vokasional zon selatan

Sub-Elemen Sikap	Min (M)	Sisihan Piawai	Tahap
Sikap afektif	4.10	0.17	Tinggi
Sikap tingkah laku	4.28	0.18	Tinggi
Sikap kognitif	4.27	0.23	Tinggi
Jumlah	4.22	0.12	Tinggi

Berdasarkan Jadual 5, ketiga-tiga sub elemen sikap ini, elemen sikap tingkah laku, yang melibatkan tindakan pelajar adalah yang paling tinggi ($M=4.28$, $SP=0.17$), diikuti oleh elemen sikap kognitif, yang melibatkan anggapan, kepercayaan atau pendapat pelajar ($M=4.27$, $SP=0.23$), dan elemen sikap afektif ($M=4.10$, $SP=0.18$). Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan sikap pelajar terhadap bidang yang diceburi adalah tinggi ($M=4.22$, $SP=0.12$). Selain itu, hasil penyelidikan mengenai motivasi pelajar menunjukkan bahawa pelajar di KV Zon Selatan mempunyai tahap motivasi intrinsik yang lebih tinggi berbanding motivasi ekstrinsik seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6 Analisis motivasi pelajar pelajar kolej vokasional zon selatan

Jenis motivasi	Min (M)	Sisihan Piawai	Tahap
Motivasi intrinsik	4.74	0.69	Tinggi
Motivasi ekstrinsik	4.27	0.52	Tinggi
Jumlah	4.51	0.61	Tinggi

Berdasarkan dapatan pada Jadual 6 tahap motivasi pelajar adalah tinggi bagi kedua-dua jenis motivasi. Motivasi intrinsik ($M=4.74$, $SP=0.69$) menunjukkan dapatan yang lebih tinggi berbanding ekstrinsik ($M=4.27$, $SP=0.52$). Motivasi intrinsik merujuk kepada keseronokan dan kepuasan yang dialami oleh pelajar semasa penglibatan mereka dalam aktiviti belajar, meneroka atau mencuba sesuatu yang baru (Barkoukis et al., 2019). Motivasi intrinsik datang dari keinginan seseorang untuk mencapai atau mencapai matlamat. Manakala motivasi ekstrinsik merujuk kepada penglibatan seseorang dalam aktiviti untuk sebab-sebab tertentu dan bukannya disebabkan kehendak mereka sendiri (Alexandra et al., 2021). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini tahap motivasi pelajar lelaki dan perempuan adalah tinggi bagi pelajar kolej vokasional zon selatan.

Jadual 7 Motivasi yang dominan dalam kalangan pelajar kolej vokasional zon selatan mengikut jantina

Jenis motivasi	Min (M)	Sisihan Piawai	Tahap
Motivasi intrinsik			
- Lelaki	4.40	0.58	Tinggi
- Perempuan	4.49	0.55	Tinggi
Motivasi ekstrinsik			
- Lelaki	4.46	0.47	Tinggi
- Perempuan	4.39	0.44	Tinggi

Berdasarkan kepada Jadual 7, motivasi intrinsik lebih didominasi oleh pelajar perempuan dengan nilai min ($M=4.49$, $SP=0.55$) manakala bagi jenis motivasi ekstrinsik didominasi oleh pelajar lelaki dengan nilai min

($M=4.46$, $SP=0.47$). Motivasi sering dikaitkan dengan unsur-unsur atau perkara yang merangsang kepada tingkah laku individu dari masa ke semasa (Olushola & Adewumi, 2021). Konsep motivasi menjelaskan sifat psikologi manusia yang menyumbang atau meningkatkan tahap komitmen individu (Sutia et al., 2020). Pelajar yang sentiasa bermotivasi dalam pelajaran akan sentiasa kekal fokus di dalam kelas dan mereka akan sedia bersemangat untuk belajar sesuatu yang baru. Pelajar yang mempunyai motivasi akademik yang kuat akan sentiasa menunjukkan keinginan yang besar untuk belajar (Mohamed & Hassan, 2021). Manakala bagi pelajar yang tidak bermotivasi akan sentiasa tidak berminat untuk belajar apa yang diajar oleh guru tetapi akan memaksa diri untuk mempelajarinya (Sadiq & Hassan, 2021). Dapatan kajian ini disokong oleh Deen et. al., (2021), yang memberi gambaran bahawa motivasi intrinsik menjadi dorongan utama dalam meningkatkan minat dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Yazid (2018), yang menyatakan bahawa penglibatan pelajar dalam pembelajaran lebih bersemangat tinggi apabila diberi pengiktirafan dan ganjaran dan ianya lebih merujuk kepada motivasi ekstrinsik.

Oleh yang demikian, para guru-guru seharusnya boleh mengenal pasti jenis motivasi pelajar dan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian untuk menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar dalam bidang yang diceburi.

5. Kesimpulan

Minat dan sikap merupakan perkara yang saling berkait terutamanya dalam menentukan tahap motivasi seseorang pelajar terhadap bidang yang mereka ceburi. Kesan daripada minat dan sikap pelajar yang tinggi boleh meningkatkan motivasi pelajar dalam pelajaran mereka. Motivasi adalah daya penggerak yang sentiasa mendorong seseorang untuk bekerja dan menggalakkan mereka untuk mengembangkan kreativiti mereka untuk mencapai kejayaan. Hasil kajian ini penting kepada pelajar, pensyarah dan pihak pengurusan kolej vokasional untuk meningkatkan minat, sikap dan motivasi pelajar agar terus memilih bidang TVET sebagai pilihan utama mereka dalam bidang pengajian. Walaupun hasil kajian yang diperolehi adalah tinggi dan mempunyai hubungan diantara setiap aspek yang dikaji, pensyarah perlu sentiasa peka terhadap perkembangan dan perubahan dalam bidang TVET yang sering berubah mengikut keperluan industri dan teknologi semasa. Selain itu juga, pensyarah boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik, menggalakkan pembelajaran sendiri, dan mengintegrasikan pengalaman praktikal yang selaras dengan minat pelajar dengan cara melibatkan pelajar secara aktif dalam sesi pembelajaran. Tambahan itu juga, pihak KV harus menjalankan program kesedaran untuk menekankan manfaat pendidikan vokasional kepada pelajar dan ibu bapa, serta menangani salah tanggapan masyarakat mengenai TVET.

Penghargaan

Terima kasih kepada semua pihak yang membantu menyiapkan kajian ini secara langsung atau tidak langsung.

Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan bahawa penghasilan kajian ini tidak mengandungi sebarang kepentingan peribadi.

Sumbangan Penulis

Penulis 1 dan 2 mengesahkan bahawa bertanggungjawab sepenuhnya untuk perkara berikut: konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis dan tafsiran keputusan, dan penyediaan manuskrip.

Rujukan

- Ahmad, N. A., Tarmizi, N. A., & Ibrahim, N. (2023). Peranan institusi keluarga (ibu bapa) semasa pandemik terhadap pencapaian akademik dan kesejahteraan psikologi pelajar: The role of family institutions (parents) during the pandemic on students' academic achievement and psychological well-being. *Sains Insani*, 8(1), 111–123.
- Alexandra, B., Stefanos, P., & Vassilis, G. (2021). Verbal aggression in basketball: Perceived coach use and athlete intrinsic and extrinsic motivation. *Journal of Physical Education and Sport*, 15(1), 96–102.
- Azhari, S. C., Fadjarajani, S., & Rosali, E. S. (2023). The Relationship Between Self Regulated Learning, Family Support and Learning Motivation on Students' Learning Engagement. *Journal of Education Research and Evaluation*, 7(1), 147–158.
- Barkoukis, V., Tsorbatzoudis, H., Grouios, G., & Sideridis, G. (2019). The assessment of intrinsic and extrinsic motivation and amotivation: Validity and reliability of the Greek version of the Academic Motivation Scale. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 15(1), 39–55.

- Deen, P. S., Fadhilah, F. W., Ivani, Z. J., & Syahnur, R. (2021). Hubungan motivasi belajar, relasi teman sebaya, dan stres akademik terhadap school wellbeing pada siswa sekolah menengah. *Jurnal Psikologi Talenta Mahasiswa*, 1(2).
- Friantini, R. N., & Winata, R. (2019). Analisis minat belajar pada pembelajaran matematika. *JPMI (Jurnal Pendidikan Matematika Indonesia)*, 4(1), 6–11.
- Hasanati, A., & Purwaningsih, E. (2021). *Influence of Interest In Learning and How to Learn on Understanding Concepts: Work and Energy Cases*. *Jurnal Pendidikan Sains Indonesia*, 9(2), 305–316.
- Igbinedion, V. (2019). Perception of factors that influence students' vocational choice of secretarial studies in tertiary institutions in Edo State of Nigeria. *European Journal of Educational Studies*, 3, 325–337.
- Junaidi, J., & Rosalina, L. (2020). Hubungan minat belajar dengan hasil belajar pada pembelajaran sosiologi pada kelas XII IPS di SMAN 5 Padang. *Jurnal Sikola: Jurnal Kajian Pendidikan dan Pembelajaran*, 1(3), 175–181.
- Laka, B. M., Burdam, J., & Kafiar, E. (2020). Role of Parents in Improving Geography Learning Motivation in Immanuel Agung Samofa High School. *Jurnal Inovasi Penelitian*, 1(2), 69–74.
- Lavendets, J., Sitikovs, V. (2019). "Influence Of Socio-Demographic Characteristics To Attractiveness And Success Of Initial Vocational Education And Training In Latvia,". *Social and Behavioral Sciences*, vol. 55, pp. 756–765, 2019.
- Mohamed S. Z. (2022). Factors Affecting the Attitude of Students towards TVET Education in Bedesa Town, Western Harerge Zone, Oromia Regional State.
- Mohamed J. S F. W., & Hassan, M. M. (2021). Konsep Kendiri dan Gaya Pembelajaran terhadap Motivasi Akademik dalam kalangan Mahasiswa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 75 - 105.
- Nursiah, E. S., Azhar, W. C. N., Mansor, M., Maarof, S. (2020). The Role of Intellectual, Emotional and Spiritual Intelligence towards Entrepreneurial Intention among TVET Student Indonesia and Malaysia 2: 117–123.
- Obanewa, O., (2020). An introduction to the teaching profession in Nigeria, Ekpoma: Institute of Education, A.A.U.
- Olushola, A. A., & Adewumi, S. A. (2021). The impact of intrinsic and extrinsic motivation on teachers' performance: Evidence from selected TVET colleges in Lagos, Nigeria. *Eurasian Journal of Social Sciences*, 9(3), 176–188.
- Omar, M. K., Rauf, M. A., Ismail, N., Rashid, A. M., Mohd Puad, M. H., & Zakaria, A. (2020). Factors on deciding TVET for first choice educational journey among presecondary school students. *European Journal of Molecular & Clinical Medicine*, 7(3), 609–627
- Othman, N., & Misman, S. S. B. (2015). Persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar 4SPH dalam bidang keusahawanan. *Fakulti Pendidikan*.
- Rathidevi, D., & Sudhakaran, M. V. (2019). Attitudes of students towards vocational education with reference to Chennai city. *The International Journal of Indian Psychology*, 7(3), 84–93.
- Runesi, S., Fufu, R. D. A., & Arif, Y. (2022). The Relationship Between Abraham Maslow's Theory of Learning Motivation and the Learning Motivation of FKIP Students of Nusa Cendana University. *Kinestetik: Jurnal Ilmiah Pendidikan Jasmani*, 6(3), 520–527.
- Salleh, S. A., (2020). Keterlibatan, Sokongan Pembelajaran Dan Pencapaian Pelajar Berdasarkan Gender Peringkat Persekolahan Dan Lokasi. Tesis Dr. Fal. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Simunovic, M., & Babarovic, T. (2020). The Role Of Parents' Beliefs In Students' Motivation, Achievement, And Choices In The STEM Domain: A Review And Directions For Future Research. *Social Psychology of Education*, 23(3), 701–719.
- Tang, S., & Amir, R. (2024). Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Motivasi Belajar Murid Sekolah Rendah Di Pekan Nanas Daerah Pontian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1), 468–487.
- Tsehay, F. (2014) Gender Role Perception and Vocational Choice of Trainees in TVET Colleges/Institutions. Thesis. Addis Ababa University.
- Warini, S., Hidayat, Y. N., & Ilmi, D. (2023). Teori belajar sosial dalam pembelajaran. *ANTHOR: Education and Learning Journal*, 2(4), 566–576.

- Wu, Y. S. & Lin, C. P. (2020). A Study of the Relationship among English Learning Environment, Learning Motivation and Learning Strategies of College Students. Taipei Municipal University of Education. Academic Reports, 40(2).
- Yusuf, Y., & Jamaludin, K. A. (2022). Cabaran perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru, ibu bapa dan murid semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 120–133.